

## PENGALAMAN BELAJAR – MENGAJAR GURU-GURU PELATIH UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Dr. Abdul Rashid Mohamed

e-mail: rich@usm.my

Dr. Zurida Ismail

e-mail: zurida@usm.my

Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan

Universiti Sains Malaysia

**Abstract** This study tried to take a peek at the experience of a group of USM student teachers undergoing their teaching practice. The researchers were interested to find out what went on in the absence of the USM supervisors. They were also interested to find out whether the preparation the students received were adequate or otherwise and were the students able to cope with the demands of real life teaching. The results of the study suggested that there were some conflicts between what was planned and what actually transpired.

### PENGENALAN

Setiap guru pelatih, sama ada yang mendapat latihan keguruan di maktab atau di universiti perlu belajar mengajar sebelum di benarkan mengajar. Sering juga dikatakan sungguhpun siswazah itu mempunyai pengetahuan ilmiah tetapi belum mencukupi baginya untuk menjadi seorang guru yang baik. Oleh itu bakal guru perlu belajar mengajar secara ‘hands on’ sebelum layak dilantik sebagai seorang guru terlatih. Freeman, (1989 : 27) menegaskan; “... teacher education has become fragmented; too often its effort focus on auxillary areas such as ... methodology ... while overlooking the core teaching itself.” Bagi memenuhi hasrat ini diadakan sesi latihan mengajar untuk memberi pendedahan pengalaman mengajar sebelum guru-guru pelatih ini dilantik sebagai guru terlatih. Melalui latihan mengajar, pelatih dapat merasai suasana sebenar apakah yang berlaku di sekolah? Apakah sungutan dan rintihan ketika mengajar dan apakah perasaan suka dan duka ketika mereka berinteraksi dengan pelajar dan apakah yang melucukan mereka sepanjang mereka mengikuti latihan mengajar? Apakah yang menakutkan mereka? Bagaimanakah bentuk pengalaman yang diperolehi oleh guru-guru pelatih ini semasa ditempatkan di sekolah, bagaimanakah mereka menyusun strategi untuk menyelesaikan antara masalah peribadi dengan masalah profesi ketika mengikuti praktikum?

Latihan mengajar atau Praktikum ialah satu bentuk latihan yang dimestikan kepada semua pelajar jurusan pendidikan di kebanyakan institusi pengajian tinggi di seluruh dunia. Apakah konsep praktikum ini? Konsep praktikum mirip kepada konsep ‘internship’ yang dilalui oleh para doktor pelatih. Ia merupakan jambatan penghubung yang mentautkan antara pengetahuan teori yang diperolehi daripada bilik-bilik kuliah dengan realiti di bilik-bilik darjah (Sund dan Trowbridge 1973). Pelaksanaan praktikum penting kerana kebanyakan pelajar-pelajar tidak mempunyai pengalaman mengajar. Melalui pratikum para pelajar didekah dengan situasi pengajaran dan pembelajaran sebenar yang akan dilalaui oleh pelajar sepanjang mereka berkhidmat dalam profesi pendidikan. Timbul persoalan kini adakah pratikum ini berkesan? Keberkesanan sesuatu ‘projek’ sukar dinilai kerana terlalu banyak pembolehubah yang perlu disoroti. Salah satu pembolehubah yang terpenting ialah faktor guru pelatih itu sendiri. Oleh itu, kita perlu mendapat pandangan, pendapat dan

refleksi daripada guru-guru pelatih sendiri tentang pengalaman mereka semasa menjalani latihan mengajar di sekolah. Ini merupakan satu cara untuk membina pengetahuan kita tentang keberkesanannya pelaksanaan sesuatu praktikum. Maklum balas yang kita terima amat berguna untuk merancang dan memperbaiki program praktikum yang akan datang.

### **Objektif Praktikum**

Peranan Praktikum yang diperkenalkan melalui Rancangan Latihan Mengajar di Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan (PPIP) Universiti Sains Malaysia (USM) adalah mirip kepada cadangan yang dikemukakan oleh Brown dan Brown (1990) yang menyatakan praktikum memberi peluang kepada guru pelatih untuk mendapat keyakinan, mempraktik teori-teori yang dipelajari, mempelajari kemahiran-kemahiran seorang guru yang unggul, belajar mengenali kerentan sebenar murid-murid sekolah dan banyak lagi pengalaman yang tidak mungkin guru pelatih pelajari semasa berada dalam bilik kuliah.

Misi utama pendidikan guru di PPIP ialah untuk melahirkan guru-guru yang berwibawa iaitu guru-guru yang bermotivasi dan cekap, bersikap positif, dapat menyesuaikan diri dengan keadaan di sekolah, berkebolehan memimpin dan sedia menghadapi perubahan dan cabaran.

Hasrat PPIP ini cuba direalisikan melalui beberapa objektif yang telah dikenalpasti dapat membentuk guru pelatih ke arah guru yang unggul dan cemerlang apabila meninggalkan PPIP. Antara objektif utama yang digalurkan melalui Praktikum ini ialah memberi pendedahan kepada pelajar menimba pengalaman sebenar di sekolah terutama daripada sudut; tanggungjawab atas guru; pegelolaan dan pengurusan bilik darjah; keperluan individu pelajar-pelajar; mengamal dan mencuba kaedah pengajaran yang dipelajari; menilai pengajaran dan pembelajaran; mempraktik erti keguruan; proses sosialisasi dengan masyarakat sekolah dan; penglibatan ko-korikulum.

### **METODOLOGI DAN ANALISIS KAJIAN**

Kajian ini bertujuan mendapat maklum balas daripada guru-guru pelatih tentang: (i) persediaan yang mereka terima; (ii) penyeliaan yang diterima; (iii) pengalaman mengajar; (iv) pengalaman sosial di sekolah dan; (v) perkara-perkara berbangkit yang lain.

Antara persoalan yang akan dibincangkan ialah sejauh manakah kursus-kursus pendidikan formal dapat membantu guru pelatih dalam persediaan mereka untuk belajar mengajar, penyeliaan yang diterima dari guru pembimbing dan penyelia serta masalah-masalah yang timbul semasa mengendalikan pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah.

Pada dasarnya kajian yang dijalankan ini berbentuk kualitatif walaubagaimana pun data kuantitatif disediakan bagi menyokong dapatan dan rumusan yang diperolehi daripada kajian kualitatif. Data kuantitatif dikumpul untuk mendapat gambaran menyeluruh reaksi guru-guru pelatih terhadap sesuatu fenomena. Pendekatan kualitatif digunakan untuk memahami secara mendalam pengalaman sebenar pelatih-pelatih ini di sekolah, proses menimba pengalaman mengajar yang dilalui oleh pelatih serta pendapat dan pandangan mereka terhadap pengalaman yang mereka lalui dalam situasi sebenar. Kajian ini menggunakan pendekatan eklektif dengan menggunakan teknik-teknik pemerhatian, temubual dan tinjauan melalui soal selidik.

### Metodologi Kajian

Marshall dan Rossman (1989 : 10-11) menyatakan pendekatan kualitatif sebagai:

*"... assumes that systematic inquiry must occur in a natural setting rather than an artificial constrained one such as an experiment. However, the approaches vary, depending on how intrusive the researcher is required to be in the gathering of data ..."*

Data kualitatif seperti yang dinyatakan oleh Stake, R.E. (1995: 49) adalah;

*"... impressionistic, picked up informally as the researcher first becomes acquainted with the case. Many of these early impressions will later be refined or replaced, but the pool of data includes the earliest of observations."*


Mengikut Merriam (1988) data tidak lain dan tidak lebih dari cebisan-cebisan maklumat yang terdapat dalam persekitaran. Ianya mungkin konkret dan boleh diukur atau abstrak dan mustahil untuk diukur. Biasanya data yang pertama itu dikatakan data kuantitatif dan yang terakhir itu kualitatif. Walau bagaimanapun kami tidak begitu setuju yang data wujud dalam "semua persekitaran dan boleh dikumpul oleh sesiapa", kerana orang biasa yang kurang pengalaman dengan penyelidikan tidak dapat membezakan antara intan dan kaca tetapi seorang 'tukang' bukan sahaja dapat membezakannya malah beliau juga dapat memberi tafsiran akan nilai intan itu. Oleh itu dalam kajian kualitatif amat perlu seseorang pengkaji itu mempunyai pengetahuan tentang latar belakang tajuk, arena dan responden yang dikaji.

### Metodologi Penganalisisan

Selain megumpul data, pengkaji juga perlu membuat analisis terhadap data yang telah dikumpul. Timbunan data yang ada tidak akan memberi apa-apa makna jika tidak dianalisis bagi menjawab sesuatu persoalan kajian. Penganalisisan data juga perlu dilakukan dengan menggunakan kaedah yang sesuai agar dapatannya tepat dan boleh dipercayai. Penganalisisan data dari pendekatan kualitatif perlu dibuat dengan teliti berdasarkan sesuatu format yang jelas. Dalam kajian ini kami telah menggunakan tiga kaedah penganalisisan. Bagi data kuantitatif kami menggunakan analisis statistik diskriptif dengan tujuan mengklasifikasikan sesuatu ciri, sifat atau isu (Mann, 1985).

Stake (1995) menyatakan tidak ada masa tertentu untuk menganalisis data. Menganalisis data bermaksud cuba memberi makna kepada apa yang dilihat pada peringkat awal dan juga semasa membuat tafsiran setelah kebanyakan data diperolehi. Walau bagaimanapun bagi data kualitatif kami menggunakan analisis interpretasi terutama di peringkat awal kajian. Mengikut Stake R.E. (ibid : 74) "*Two strategic ways that researches reach new meanings about cases through direct interpretation of the individual instances and through aggregation of instances until something can be said about them as a class.*" Sementara analisis struktural digunakan di peringkat akhir kajian untuk memecah dan membina semula data-data yang telah diklasifikasi supaya dapat mengeluarkan apa yang tidak relevan dan menfokus pada yang relevan sahaja. Dalam aspek ini kami telah menggunakan metodologi Sayer (1984) yang membahagikan data kepada tiga peringkat; peringkat konsepsi; mekanisma dan; kejadian.

Rajah 1 : Methodologi Penganalisisan Struktural



Dalam konteks yang dinyatakan, kita mungkin bertanya: Apakah tujuan kita mengadakan latihan mengajar? Adakah tujuan kita supaya mereka dapat pendedahan di sekolah sahaja? Ini adalah persoalan di peringkat *kONSEPSI*. Adakah perlu kita mengadakan tempat untuk pelatih kita menjalankan latihan ini? Tidakkah kita perlu memastikan terdapat tempat yang sesuai untuk mereka mendapat pendedahan yang kita harap? Ini pula persoalan di peringkat *mekanisma*. Jika kita sudah menyediakan tempat yang sesuai – adakah pelatih-pelatih kita mendapat pendedahan dan ilmu yang kita harap? Adakah semua pelatih-pelatih kita tidak mendapat pendedahan yang sesuai dengan rancangan kita setelah mekanisma yang relevan diadakan? Ini ialah persoalan di peringkat *kejadian*.

### ANTARA DAPATAN KAJIAN

Dapatkan kajian ini disampaikan berkisar kepada data kualitatif pada peringkat penyampaian awal dan berikutnya dapatan ini disulami dengan data-data kualitatif untuk memberi gambaran yang lebih jelas akan isu-isu yang dimunculkan dalam kajian yang dijalankan. Di peringkat akhir kajian penyelidik menggunakan format analisis struktural bagi mendapatkan satu kesimpulan berdasarkan analisis itu.

### Latarbelakang Responden

Di peringkat awal kajian, 6 orang responden telah ditemui bual. Responden ini terdiri daripada 3 orang guru pelatih Melayu (2 perempuan dan seorang lelaki), 2 guru pelatih Cina (seorang perempuan dan seorang lelaki) dan seorang guru pelatih India (lelaki). Penyelidik juga menjalankan pemerhatian ke atas 2 daripada 6 orang responden ini dengan cara melihat telatah mereka; di dalam kelas; di bilik guru; di kantin dan semasa bergaul sesama pelatih lain. Daripada temubual dan pemerhatian awal yang dilakukan penyelidik telah membuat analisis secara interpretasi dan hasil daripadanya kami telah membina satu borang soal selidik. Borang ini telah diedarkan kepada 50 orang pelatih tetapi hanya 42 responden sahaja yang memulangkan borang soal selidik ini. Latarbelakang 42 orang responden itu adalah seperti dinyatakan dalam Jadual 1.

Jadual 1 : Latarbelakang Responden

SUBJEK	PECAHAN-PECAAHAN		
Jantina	Lelaki (12)	Perempuan (30)	
Keturunan	Melayu (22)	Cina (10)	Lain-lain (10)
Ting. Ajar	Men. Atas (18)	Men. Bawah (24)	
Ajar Mata Pelajaran	Sastera (26)	Sains (16)	
Tugas Tambahan	Sukan (8)	Persatuan (6)	Lain-lain (10) Tiada (10)

Pembahagian responden kepada jantina dan bangsa menggambarkan realiti profesion perguruan pada masa kini di mana terdapat lebih ramai guru perempuan daripada guru lelaki dan lebih ramai guru keturunan Melayu jika dibandingkan dengan keturunan Cina dan India. Responden merupakan bakal siswazah yang akan ditempatkan di sekolah-sekolah menengah. Semasa kajian ini dijalankan semua responden mengajar di kelas-kelas bukan peperiksaan (Tingkatan 1, 2 dan 4). Mengikut pandangan seorang penolong kanan (PK D):

*“... kami sengaja meletakkan mereka di kelas-kelas begini kerana ... kelas-kelas peperiksaan memerlukan guru-guru yang betul-betul berpengalaman ... kami tidak mahu terdapat gangguan kerana guru-guru pelatih ini hanya sementara di sini ...”*

Rata-rata semua responden mengajar sekurang-kurangnya subjek pilihan utama (major) mereka. Walau bagaimanapun ada responden yang tidak diberi subjek pilihan kedua (minor) mereka. Mengikut pandangan seorang guru pembimbing (GP B):

*“... kami seboleh-bolehnya memberi subjek utama mereka dahulu ... subjek kedua diberi jika ada kesempatan ... contohnya adakala kami kekurangan guru dalam sesuatu subjek ... kerana guru berkenaan berkursus atau bertukar ... lebih baik diberi kelas-kelas ini pada mereka ... apa salahnya mereka sepatutnya boleh mengajar apa subjek pun ...”*

Salah satu objektif latihan mengajar ialah pelatih diharapkan dapat melibatkan diri dalam ko-kurikulum sekolah. Malangnya seramai 10 orang responden (atau lebih 23%) tidak diberi apa-apa tugas ko-kurikulum semasa mengikuti praktikum. Ini dengan sendirinya telah menafikan peluang pelatih untuk mencari dan menimba pengalaman dalam aktiviti ko-kurikulum. Timbul persoalan di sini ialah mengapa pelatih ini tidak diberi peluang mengendalikan kegiatan ko-kurikulum, sedangkan ia tidak melibatkan apa-apa perubahan kepada aktiviti mahupun struktur ko-kurikulum sekolah?

### Persediaan Yang Diterima Oleh Responden

Jadual 2 merupakan tabulasi pendapat responden berkenaan dengan kualiti persiapan yang mereka terima sebelum keluar menjalankan latihan mengajar mereka. Perlu diingatkan soalan bahagian ini adalah dalam bentuk jawapan terbuka. Skala yang diberi di sini adalah berdasarkan kod yang kami telah bina daripada jawapan-jawapan yang telah diterima.

Jadual 2 : Persediaan Sebelum Latihan Mengajar

	≥	≠	≤	Jumlah
Sangat Baik	12	11	13	36
Baik	19	20	21	60
Tidak Pasti	5	6	8	19
Tidak Baik	6	5	0	11
Sangat Tidak Baik	0	0	0	0
Jumlah	42	42	42	126

≥ pendapat tentang kursus kaedah mengajar mata pelajaran pengkhususan

≠ pendapat tentang kursus pengetahuan dalam subjek pengkhususan

≤ pendapat tentang kursus keguruan

Pada keseluruhannya responden berpendapat yang kursus-kursus kaedah, subjek dan keguruan yang mereka terima di PPIP-USM adalah baik dan memuaskan (74%). Kurang daripada 9% menganggap kursus-kursus ini tidak baik tetapi lebih daripada 15% tidak pasti.

### Kursus-kursus kaedah mengajar

Harus juga dinyatakan walaupun 31 (74%) responden menyatakan kursus kaedah mengajar ini baik adalah secara keseluruhan tetapi dalam pada itu mereka juga memberi komen-komen sebaliknya, contohnya:

R 16 : "Pada keseluruhannya kursus ini amat baik dan berguna tetapi kaedah induksi tidak dapat diperlakukan ... banyak bergantung kepada situasi dan prestasi murid ..."

Antara hujah-hujah yang diberi untuk menyokong kebaikan dan kerelevan kursus ini adalah seperti berikut:

(R 10) : "Kaedah mengajar sejarah lebih praktikal kerana pensyarah lebih mengenalpasti keadaan sebenar dalam kelas..."

(R13) : "... kursus ini sangat amat baik dan dapat memberi saya pengalaman yang berharga serta membuatkan saya berkeyakinan dalam persediaan mengajar ..."

(R 34) : "...kursus ini amat baik kerana ia membantu ketika latihan mengajar ... membantu saya menyediakan rancangan mengajar yang sistematis untuk digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran"

Antara kekurangan kursus kaedah yang diberi ialah:

(R 9) : "... tidak semua bermanfaat atau berguna ... . Ada sesetengah strategi ... tidak dapat digunakan langsung ... tidak sesuai dengan latarbelakang dan persekitaran murid ..."

(R 40) : "...kurang memuaskan. ... tidak memberi penyediaan kepada pelajar untuk mengkaji atau mendekati teks dengan terperinci yang berkaitan dengan mata pelajaran pengkhususan ... . Kursus terlalu umum ..."

Melalui pemerhatian dan temubual yang dijalankan, kami mendapati responden yang menyatakan kursus kaedah kurang baik adalah mereka yang diberi keputusan baik oleh penyelia mereka. Mengapakah keadaannya begini? Adakah responden ini mempunyai jangkaan yang terlalu tinggi atau sememangnya kursus-kursus kaedah mempunyai banyak kekurangannya? Ini mungkin satu isu teori dan praktik!

### Kursus-kursus pengetahuan subjek

Secara keseluruhan responden menyatakan kursus ini baik dan telah membantu mereka dalam sesi praktikum mereka. Walau bagaimanapun antara sungutannya ialah kandungan kursus tidak relevan kepada pengajaran dan pembelajaran di sekolah, dan jika kontennya relevan tahapnya terlalu tinggi dan mendalam. Mereka juga bersungut tentang cara tutorial dijalankan kerana mereka tidak diberi peluang berbincang semasa tutorial terutama perkara-perkara yang bersabit dengan pengajaran dan pembelajaran di sekolah.

(R7) : "... kadangkala terasa kursus subjek tiada kaitan dengan pendidikan/perguruan. Contohnya, subjek sastera yang menawarkan kursus sastera Afrika moden. Memang tidak dinafikan kursus ini memberi peluang kepada kita mengenali dan melihat perkembangan sastera di negara lain tetapi adakah subjek ini akan kita ajar di sekolah?

(R 33) : "... lebih bercorak sehala dan kurang memberansangkan minat pelajar. Pengendalian tutorial pula lebih berbentuk pembentangan kertas kerja dan kurangnya interaksi di antara pensyarah dengan pelajar."

#### **kursus-kursus keguruan**

Seperti kedua-dua kursus di atas kursus keguruan dianggap telah mendatangkan manfaat yang tinggi kepada responden. Malah lebih 80% responden menganggap kursus ini relevan dan telah membantu mereka dalam sesi praktikum mereka. Contohnya;

(R 29) : "... seperti penilaian pendidikan, sahsiah perguruan, sejarah pendidikan dan pentadbiran am sekolah telah banyak mendedahkan kami kepada tugas-tugas guru dan kehendak lain di sekolah."

Walau bagaimapun kursus-kursus ini juga tidak dapat lari daripada kekurangannya seperti yang dinyatakan oleh;

(R 37) : "... kurang praktikal. Para pensyarah lebih menekankan teori daripada praktikal, Dalam era menuju ke arah penggunaan IT, para guru seharusnya didedahkan dengan ilmu pengetahuan yang bebih canggih dan baru. Ini adalah disebabkan ilmu yang dipelajari kurang dapat diaplikasikan ke dalam situasi sebenar."

#### **Mempertingkatkan kecekapan guru pelatih**

Hampir kesemua responden mengambil peluang meluahkan pendapat dan perasaan mereka tentang bagaimanakah PPIP dan USM dapat mempertingkatkan kecekapan guru-guru pelatih?. Antara cadangan yang dikemukakan oleh mereka ialah; memberi elauan (kerana mereka menyumbang kepada pengajaran dan mengeluarkan wang yang banyak ketika sesi praktikum), mempertingkatkan penggunaan IT, memperbanyakkan sesi pengajaran mikro dan meningkatkan kepakaan pensyarah kepada keadaan terkini di sekolah. Salah seorang responden memberi gambaran beliau;

(R 13) : "... latihan mengajar perlu di adakan setiap sidang cth. Tahun pertama – semasa cuti semester para pelajar bolehlah didedahkan dengan suasana pengajaran ... untuk subjek minor ... tahun dua cuti sebulan ... untuk subjek major ... latihan mengajar pada cuti (Feb. Mei) untuk pelajar tahun akhir tidak sesuai ... sudah berdepan dengan kerjaya sebenar."

#### **Penyeliaan Yang Diterima**

Responden ditanya tentang penyeliaan yang mereka terima daripada penyelia USM, guru pembimbing dan bantuan yang mereka harapkan daripada penyelia-penyelia ini. Jadual 3 memberi gambaran sepintas lalu respon terhadap penyeliaan yang telah mereka terima.

Pada pandangan kami respon di sini mungkin tidak begitu tepat. Ada kemungkinan responden tidak berani menyatakan perkara sebenar. Ini mungkin disebabkan oleh kekerapan penjumpaan antara penyelia dan pelajar yang terhad. Penyelia mempunyai ramai pelajar dan 'dateline' untuk menyerahkan laporan kepada pusat pengajian oleh itu masa untuk berbincang dengan setiap pelajar mungkin terlalu singkat. Namun demikian berikut adalah antara komen-komen positif mereka.

Jadual 3 : Penyeliaan Pensyarah USM dan Guru Pembimbing Sekolah

	Penyeliaan USM	Guru Pembimbing	Jumlah
Sangat Baik	15	9	24
Baik	25	10	35
Tidak Pasti	2	7	9
Tidak Baik	0	16	16
Sangat Tidak Baik	0	0	0
Jumlah	42	42	84

### Penyelia USM

- memberi masa untuk bersedia sebelum menyelia
- memberi bimbingan mempertingkatkan produktiviti pelajar
- lawatan awal penyelia membantu responden bersuaikenal denganya
- bukan sahaja melihat kepada kekurangan responden
- mengaitkan teori dengan praktik berlatarbelakangkan pengajaran yang telah dijalankan
- mengalakkan responden mencuba sesuatu yang baru
- mengambil tahu kebijakan responden

Apabila ditanya apakah yang diharap daripada penyelia institusi pengajian beginilah repon mereka.

- memberi tunjuk ajar dari segi pendekatan, kaedah, teknik dan strategi pengajaran
- memberi tunjuk ajar tentang pengandalian kelas
- bersikap positif atas kesalahan dan kekurangan pelatih
- berkongsi pengalaman pengajaran di sekolah mereka
- memberi nasihat tentang penyediaan rancangan mengajar

### guru pembimbing

- mengambil tahu akan perkembangan kelas yang telah diambil alih
- memberi keyakinan kepada responden
- memperjelaskan kandungan sukatan dan memberi gambaran prestasi pelajar
- berkongsi pengalaman mereka
- memberi tunjuk ajar bagaimana sesuatu isi pelajaran dapat disampaikan dengan berkesan

Antara komen-komen negatif tentang guru pembimbing ialah seperti berikut:

- jarang sekali berada dalam kelas semasa responden mengajar
- tidak mengikut taklimat dan panduan praktikum yang telah diberi oleh USM
- hanya pentingkan peperiksaan
- menyerahkan sepenuhnya tanggungjawab kelas mereka kepada responden
- tidak berminat memberi tunjuk ajar

Seperti sungutan R 14:

“... kurang menitikberatkan usaha dan kesungguhan guru pelatih, sebaliknya lebih mengutamakan perubahan pada pelajar, pengawalan bilik darjah ... termasuklah disiplin ... tekanan kepada memberi ilmu pengetahuan yang hanya cukup untuk peperiksaan ...”

Rata-rata responden mengharapkan guru pembimbing:

- memberi penerangan latarbelakang murid
- memberi bimbingan pengawalan kelas
- berada dalam kelas semasa pelatih mengajar
- penerangan tentang sukan pelajaran
- mengambil berat tentang kebijakan pelatih
- meminjamkan buku-buku rujukan dan alat-alat mengajar
- membentarkan membuat perhatian semasa guru pembimbing mengajar

Mungkin apa yang dinyatakan oleh R 22 boleh dijadikan satu kesimpulan harapan para guru pelatih daripada guru pembimbing mereka.

(R 24) : “... saya harap ... cara hendak mengawal kelas dan murid ... bantuan buku-buku rujukan dan jika menghadapi masalah ... sedia membantu sama ada di segi pengajaran/pembelajaran atau kebijakan ...”

### Pengalaman Di sekolah

Dalam bahagian ini kami menitikberatkan isu-isu pergaulan dan masalah-masalah yang dihadapi oleh guru-guru pelatih. Oleh kerana responden terdedah kepada beberapa kategori orang di sekolah maka kami mengemukakan pertanyaan tentang pergaulan dan kerjasama mereka; sesama sendiri; dengan guru pembimbing; pentadbir sekolah; guru-guru lain; staf bukan akademik dan; murid.

### pergaulan dan kerjasama

Jadual 4 memberi gambaran kasar reaksi responden tentang pergaulan mereka dengan kumpulan-kumpulan tertentu dan kerjasama yang mereka terima dari golongan ini.

Jadual 4 : Pergaulan dan Kerjasama Semasa Praktikum

	①	②	③	④	⑤	⑥	Jumlah
Sangat Baik	18	12	2	10	3	10	55
Baik	24	25	10	25	14	22	120
Tidak Pasti	0	5	28	0	25	8	66
Tidak Baik	0	0	2	7	0	2	11
Sangat Tidak Baik	0	0	0	0	0	0	0
Jumlah	42	42	42	42	42	42	252

① sesama pelatih      ② guru pembimbing      ③ pentadbir sekolah      ④ guru-guru lain  
⑤ staf bukan akademik      ⑥ murid

### ***sesama pelatih***

Pergaulan antara guru-guru pelatih adalah mesra. Mengikut dapatan tinjauan 45% menyatakan hubungan mereka sangat baik. Daripada apa yang diperhatikan mereka sering bantu-membantu dan berkongsi alat bantu mengajar. Walau bagaimanapun terdapat ‘klik’ sesama guru-guru pelatih ini. Namun demikian, antara jawapan yang diberi apabila perkara ini dibangkitkan dalam temubual, penjelasan yang diberi ialah:

R 19 : “*Tidak ada kelompok sebenarnya ... kami hanya berkumpul sesama mereka yang sama subjek pengajaran supaya dapat berkongsi pendapat ... adakalanya kami berkumpul sesama mereka yang tinggal bersama ...*”

Namun mengapa agaknya mereka berkelompok/berkumpul sesama etnik? Adakah ini secara kebetulan atau satu ‘convenience’?

### ***dengan guru pembimbing***

Dapatan daripada soalselidik menunjukkan pergaulan dan kerjasama dengan guru pembimbing adalah amat baik. Berdasarkan tinjauan lebih 88% menyatakan hubungan dan kerjasama yang diberikan oleh guru pembimbing adalah baik. Walau bagaimanapun terdapat sungutan-sungutan apabila responden diminta memberi penjelasan lanjut. Kebanyakan pelajar mahukan hubungan yang lebih erat dengan guru pembimbing mereka. Contohnya, mereka mengharapkan bukan sahaja nasihat profesional tetapi nasihat pribadi.

### ***dengan pentadbir sekolah***

Agak memerlukannya apabila 67% responden menyatakan mereka tidak pasti tahap perhubungan mereka dengan pentadbir sekolah. Responden ini semuanya ditempatkan di sekolah-sekolah gred A. Sekolah-sekolah ini mempunyai bilangan guru dan murid yang ramai dan kawasan sekolah yang luas. Guru-guru ditempatkan di bilik-bilik mengikut jurusan masing-masing. Oleh itu mereka hanya bergaul sesama guru setempat. Bilik-bilik ini agak jauh daripada bilik-bilik pentadbir sekolah. Pengetua sekolah pula sering sibuk dengan tugas-tugas pentadbiran dan tidak mempunyai masa untuk pelatih-pelatih ini. Tugas menyelia sering diberi kepada salah seorang penolong kanan dan penolong kanan ini juga seorang yang sibuk dengan tugas-tugas lain.

Walau bagaimanapun di sebuah sekolah yang lebih kecil, pengetua sekolah dapat dilihat berbual dengan guru-guru pelatih ini. Kami juga sempat bertanya khabar dengan pengetua ini dan antara komen beliau ialah:

“... saya juga guru pelatih dulu ... saya tahu bagaimana mereka rasa ... macam-macam perkara baru perlu dibelajar ... maklum tempat baru dan segala-segalanya baru ... mereka perlu rasa selamat ... terutama sekolah begini ... murid agak nakal ...”

### ***dengan guru-guru lain***

Agak malang apabila hampir 17% responden menyatakan perhubungan mereka dengan guru-guru bukan pembimbing mereka tidak baik. Antara sebab-sebab yang diberi ialah:

- Mereka tidak menegur kami jika kami tidak menegur mereka dahulu
- Mereka kerap suruh kami buat itu dan ini
- Sukar mendapat bantuan terutama dengan alat bantu mengajar

(R 39) : “*Tidak mesra kerana guru latihan semacam satu kumpulan yang terasing ... terutama tempat duduk kami terasing daripada guru-guru lain ...*”

(R 40) : "Ada guru yang lebih berpengalaman daripada guru pembimbing kami yang sedia memberi tunjuk ajar ... walaupun mereka bukan guru pembimbing ..." "

Satu persoalan yang timbul di sini ialah, mengapa guru yang lebih berpengalaman ini tidak dijadikan guru pembimbing?

**dengan staf bukan akademik**

Hampir 60% responden tidak pasti perhubungan mereka dengan kumpulan ini. Daripada apa yang dilihat dan daripada perbualan kami dengan responden, kami dapatkan mereka tidak bercampur atau tidak berpeluang bergaul dengan staf bukan akademik. Namun ada responden yang menyatakan:

(R 31) : "Pelayan makmal sering bantu saya ... dia selalu siapkan apa yang saya perlu ... kadangkala dia tanya saya apa yang saya perlu untuk kelas keesokannya ... "

(R 17) : "Saya pernah minta nasihat tukang kebun bagaimana menangani masalah murid-murid nakal ... dia orang tempatan dan kenal ibu-bapa murid-murid di situ ... dia beritahu saya kalau mereka buat pasal cakap dengan dia ... "

**dengan murid**

Hanya 2 responden menyatakan perhubungan mereka dengan murid tidak baik. Kedua-dua responden ini ialah pelatih lelaki. Mengapa pelatih lelaki sahaja yang merasakan perhubungan mereka dengan murid terutama murid lelaki tidak baik? Mereka ini, daripada apa yang kami dapat lihat lebih tegas dan mementingkan pengawasan kelas yang rapi. Mereka tidak suka murid bergerak dan berbual sesama sendiri. Satu insiden yang sempat dirakamkan:

Guru : ... mengapa awak berjalan ... kan saya suruh awak buat eksperimen itu ...

Murid A : ... saya mau tanya kawan saya ...

Guru : Duduk di tempat kamu ...

Murid B : ... cikgu boleh saya pergi pinjam pembaris ...

Guru : ... mengapa awak tak bawa pembaris sendiri ... jangan berjalan merata-rata ... duduk di tempat kamu dan siapkan eksperimen itu ...

Rata-rata responden menyatakan perhubungan mereka dengan murid adalah mesra walaupun kadangkala terdapat sedikit masalah. Namun, mereka menganggap ini perkara biasa.

(R 12) : "Komunikasi yang baik ... saya rasa dapat kawal kenakalan mereka ... maklumlah budak lelaki 80% sekolah ini ... tapi nakal-nakal yang masih bersopan ... "

(R 15) : "Minat kepada guru pelatih ... maklum saja kaedah pengajaran dan ABM telah banyak membantu rangsangkan murid ... mereka mudah memberi pertolongan apabila diminta ... "

**masalah yang di hadapi semasa di sekolah**

Kami berpendapat jika pelatih menghadapi masalah di sekolah dan tiada langkah-langkah diambil untuk mengatasinya maka objektif praktikum itu sendiri tidak akan tercapai. Walau bagaimana pun kita perlu mengetahui apa masalah yang dihadapi sebelum kita boleh mengambil langkah untuk mengatasinya. Pelatih berkemungkinan menghadapi masalah di mana-mana sahaja tetapi setelah membuat pemerhatian, kami dapatkan cara yang paling sesuai

menelitinya ialah melalui tempat-tempat tertentu seperti; di sekolah secara am; di dalam kelas; di bilik guru dan; semasa menyediakan rancangan mengajar

Jika diambil kira respon daripada guru pelatih yang terlibat dalam soal selidik masalah yang sangat berat tidak begitu ketara. Hanya 10 respon atau kurang 6% yang berpendapat masalah yang mereka hadapi dianggap berat. Secara terperinci pula adalah seperti berikut:

Jadual 5 : Tempat dan masalah yang di hadapi semasa praktikum

	①	②	③	④	Jumlah
Sangat Berat	3	5	0	2	10
Berat	7	11	5	12	35
Tidak Pasti	3	4	9	3	19
Tidak Berat	29	22	28	25	104
Sangat Tidak Berat	0	0	0	0	0
Jumlah	42	42	42	42	168

① di sekolah secara am

② di kelas

③ di bilik guru

④ menyediakan rancangan mengajar

#### *secara am di sekolah*

Antara masalah yang dianggap berat ialah masalah disiplin murid seperti melawan cakap guru, enggan menjalankan tugas yang diberi, keluar kelas tanpa kebenaran, merayau-rayau tanpa haluan dan membawa gambar-gambar lucu. Masalah disiplin ini tidak terbatas kepada murid lelaki sahaja cuma ia lebih ketara dikalangan murid lelaki.

*Semasa kami minum pagi di sebuah kedai kopi yang berhampiran sebuah sekolah, kami lihat ramai murid singgah di situ untuk membeli rokok. Kebanyakan membeli dua batang; satu dihisap di situ juga dan satu lagi dimasukkan ke dalam kocek baju.*

Satu lagi masalah yang dianggap berat oleh responden ialah tahap kecekapan bahasa Melayu oleh murid-murid bukan Melayu. Mengikut mereka masalah ini adalah hasil daripada murid-murid yang datang daripada sekolah-sekolah jenis kebangsaan.

#### *di dalam kelas*

Kebanyakan kelas di sekolah-sekolah yang dilawati mengandungi antara 38 hingga 45 orang murid. Kelas-kelas ini biasanya ialah tingkatan menengah rendah dan kelas-kelas pencapaian rendah di menengah atas. Oleh itu tidak hairanlah apabila guru pelatih menyatakan kelas-kelas ini yang paling banyak menimbulkan masalah. Kebanyakan kelas sains adalah kecil bilangan pelajarnya. Satu peristiwa yang berlaku semasa kami berada di sebuah sekolah:

*Semasa seorang guru pelatih sedang mengajar tiba-tiba seorang pelajar tingkatan 4 (daripada kelas pencapaian rendah) masuk ke kelas dan terus pergi kepada seorang murid perempuan (tingkatan 2) tanpa meminta kebenaran.*

*Apabila ditegur oleh guru berkenaan keadaan menjadi tegang dan penyelia terpaksa masuk campur. Murid berkenaan sebelum keluar telah memberi amaran kepada guru dan penyelia berkenaan.*

*Selepas itu penyelia cuba mendapat maklumat lanjut dan didapati murid perempuan tingkatan 2 itu ialah teman murid tingkatan 4 itu. Mereka sering datang ke sekolah dengan motosikal walaupun murid lelaki itu dikatakan tidak mempunyai lesen memandu. Pernah mereka keluar sekolah pada waktu sekolah dan tidak kembali semula.*

#### *di bilik guru*

Antara masalah yang pelatih sering timbulkan ialah pergaulan dengan guru-guru yang tidak begitu erat, kekurangan tempat duduk untuk mereka dan keadaan bilik guru yang panas dan sesak. Walau bagaimanapun ada di antara sekolah yang kami lawati mempunyai bilik guru yang berhawa dingin namun bilik ini penuh sesak dengan meja kerusi dan peralatan mengajar.

(R 23) : "... terdapat guru yang mesra dengan kami tetapi ada segelintir yang tidak mahu tegur sapa walau pun kami sering menegur mereka ... bilik guru panas dan merimaskan kami ... kami terpaksa berkongsi tempat duduk ... "

#### *persediaan rancangan mengajar*

Kebanyakan pelatih menyatakan mereka menghadapi masalah bersabit dengan persediaan rancangan mengajar pada awal latihan mengajar.

(R 15) : "Pada mulanya agak rumit juga hendak menulis rancangan ... tetapi selepas mendapat teguran dan tunjuk ajar, dan bila sudah biasa maka masalah ini amat berkurangan ... "

Satu lagi masalah ialah berkenaan menyediakan alat bantu mengajar. Masalah ini juga kebanyakannya ialah pada waktu awal praktikum.

(R 26) : "... membuat ABM memerlukan banyak wang ... nah pinjam sekolah punya kena booking ... kadangkala tidak sesuai ... kadangkala bilik sumber yang telah dibook awal-awal tidak dapat digunakan ... "

#### **Isu-isu Lain**

Antara is-isu lain yang telah dibangkitkan ialah:

- Berkenaan pelatih yang sudah mempunyai pengalaman mengajar dikecualikan daripada latihan mengajar seperti yang diamalkan oleh sesetengah pusat pengajian lain
- Taklimat kepada guru-guru pembimbing supaya mereka lebih memahami tugas mereka
- Pengetua yang terlampau mementingkan kecerian sekolah
- Guru yang tidak komited dan tidak masuk kelas
- Menjalankan mesyuarat semasa waktu pengajaran
- Motivasi murid rendah untuk belajar
- Disiplin murid

Seorang pelatih menulis dengan panjang lebar:

*"Tugas yang sepatutnya dilakukan oleh guru sekolah itu telah diserahkan kepada kami ... cth. Menggantikan kelas untuk guru yang tidak hadir ... kami sering sahaja diperalatkan begini ... kami disuruh mengecat pintu pagar ... ini sepatutnya boleh dilakukan oleh tukang kebun atau murid-murid ... kami juga dipaksa pergi berkhemah dan apabila kami menolak dengan alasan-alasan kemungkinan penyelia datang melawat kami, guru berkenaan tidak rasa terkilan ... pihak sekolah hanya ingin memberi kami buat kerja-kerja yang tidak mahu dilakukan oleh guru-guru di situ ... tetapi apabila terdapat agenda lain yang penting kami diketepikan walaupun melibatkan kami secara tidak langsung ... namun demikian praktikum ini masih memberi pengalaman yang amat berguna dari proses pengajaran dan pembelajaran .... "*

## RUMUSAN DAPATAN

Di akhir sesuatu program kita mungkin dapat pelajar terdedah kepada berbagai pengalaman; yang di rancang dan; yang tidak dirancang. Daripada sini kita mungkin ingin tahu mengapa keadaanya sedemikian! Di sinilah kita perlu menganalisis dengan lebih mendalam dan salah satu caranya ialah dengan melihat kepada konflik-konflik yang mungkin terdapat di antara peringkat-peringkat **konsepsi, mekanisma dan kejadian.**

### Konflik 1

Konsep : Pendedahan menyeluruh di sekolah

Pencapaian : 24 % pelatih tidak mendapat pendedahan menyeluruh. Mengapa?

Antara sebabnya ialah:

- ✓ Terlalu ramai pelatih di sebuah sekolah
- ✓ Sikap pentadbir sekolah yang memandang remeh persoalan ko-kurikulum
- ✓ Salah anggap pelatih yang memikirkan hanya pengajaran sahaja yang penting

### Konflik 2

Konsep : Persediaan yang di terima oleh pelatih di universiti

Pencapaian : 9% menyatakan tidak mendapat persediaan yang rapi dan 15% tidak pasti. Mengapa?

Antara sebabnya ialah:

- ✓ Terdapat bahagian kursus-kursus tertentu yang tidak relevan lagi
- ✓ Sesetengah kursus metodologi tidak mengambil kira keperluan semasa
- ✓ Tidak mendapat pendedahan awal tentang perbezaan individu murid
- ✓ Terlalu banyak teori dan kurang contoh-contoh praktikal dalam kursus-kursus keguruan

### Konflik 3

Konsep : Peluang mengenal secara lebih dekat peranan guru, pengelolaan dan pengurusan sebenar bilik darjah.

Pencapaian : Sukar dicapai!

Antara sebab-sebab ialah:

- ✓ guru pembimbing jarang berada dalam kelas semasa guru pelatih mengajar
- ✓ kurang berlaku dialog antara guru pembimbing dan guru pelatih
- ✓ guru pembimbing kadangkalanya adalah guru-guru baru
- ✓ kehadiran guru pelatih dianggap sebagai masa rehat oleh guru pembimbing
- ✓ tidak ada dorongan tertumpu oleh guru pembimbing

- ✓ Guru pelatih sering diminta mengantikan kelas yang tidak ada kena mengena dengan mereka

#### □ Konflik 4

Konsep : Mempertingkatkan kecekapan guru pelatih

Pencapaian : Rata-rata pelatih setuju bimbingan yang diterima daripada penyelia USM adalah lebih baik daripada bimbingan daripada guru pembimbing. Ini agak pelik kerana guru pembimbinglah yang mempunyai masa dan ruang paling banyak untuk memberi tunjuk ajar kepada pelatih. Mengapakah ini berlaku?

Antara sebabnya guru pembimbing:

- ✓ Jarang berada dalam kelas semasa pelatih mengajar
- ✓ Hanya mementingkan peperiksaan
- ✓ Menyerahkan bulat-bulat tanggungjawab kelas kepada guru pelatih
- ✓ Tidak berminat memberi tunjuk ajar terutama guru bukan siswazah

#### □ Konflik 5

Konsep : Mengalami proses sosialisasi di dalam masyarakat sekolah.

Pencapaian : Proses sosialisasi sesama pelatih amat baik kecuali masih terdapat pengelompokan berdasarkan etnik. Begitu juga dengan sosialisasi mereka dengan guru pembimbing terutama perhubungan peribadi. Lebih 67% pelatih tidak pasti tahap perhubungan mereka dengan pentadbir sekolah. Sementara hanya 17% menyatakan mereka mempunyai hubungan baik dengan guru-guru bukan pembimbing mereka.

Antara sebabnya ialah:

- ✓ Sekolah-sekolah ini mempunyai bilangan guru dan murid yang ramai dan keluasan sekolah pula amat luas. Oleh itu guru-guru ditempatkan di bilik-bilik mengikut jurusan masing-masing. Keadaan ini hanya membenarkan mereka bergaul sesama sendiri dan dalam jurusan mereka sahaja.
- ✓ Tugas menyelia sering diberi kepada salah seorang penolong kanan yang sentiasa sibuk dengan tugas-tugas lain.
- ✓ Tiada mendapat layanan baik daripada guru-guru bukan pembimbing
- ✓ Guru-guru sering menyuruh guru pelatih membuat kerja-kerja yang mereka tidak sepatutnya buat.
- ✓ Tidak dapat bermesra dengan murid kerana kesibukan menyediakan tugas dan kesuntukan masa.

#### □ Konflik 6

Konsep : Mengenalpasti dan memahami murid-murid yang mempunyai perbezaan-perbezaan individu

Pencapaian : Kebanyakkan pelatih tidak tahu bagaimana untuk mengendali masalah-masalah disiplin murid atau merangsang murid-murid yang baik meningkatkan pretasi pelajaran mereka.

Antara sebabnya ialah:

- ✓ Praktikum diadakan di penghujung semester maka apa-apa masalah yang dihadapi tidak dapat dibincang bersama
- ✓ Guru-guru terlatih sendiri sama ada tidak tahu bagaimana hendak mengatasinya atau tidak ambil kisah

- ✓ Kelas-kelas yang terlalu besar
- ✓ Kebanyakan pelatih menerima kelas-kelas yang mempunyai masalah disiplin yang agak runcing

## **PENUTUP**

Ini ialah sebahagian konflik yang terdapat antara perancangan dan kejadian. Daripada konflik-konflik ini kita dapat lihat pengalaman praktikum yang dilalui oleh pelatih-pelatih ini telah memenuhi sebahagian daripada objektif yang diharapkan. Di samping itu pelatih juga telah melihat dan belajar perkara-perkara yang tidak dirancang.. Ada kemungkinan apa yang mereka pelajari ini akan sebatи dengan mereka sepanjang hayat pengajaran mereka. Kita tidak boleh bergantung harap kepada ‘nasib’ untuk melahirkan guru-guru yang baik. Memang mustahil untuk mencapai segala yang dirancang tetapi ini tidak bermakna kita tidak perlu merancang. Rancangan kita mestilah dinamik yang mengambil kira kehendak dan keperluan semasa. Oleh itu teori-teori yang disampaikan dalam kursus-kursus pendidikan dan perancangan latihan mengajar tidak boleh statik kerana keadaan di sekolah semakin dinamik.

## **Rujukan**

- Brown, D.D. dan Brown, rn (1990). *Effective Teaching Practice*. New York : Methuen and Co. Ltd.
- Freeman, D. (1989). Teacher Training, Development and Decision Making : A Model of Teacher Training and Related Strategies for Language Teachers Education. TESOL Quaterly, 23, 27.
- Mann. P.H. 1985). *Methods of Social Investigation*. Oxford : Basil Blackwell
- Marshall,C. and Rossman, G. (1989). *Designing Qualitative Research*. Newbury Park : SAGE
- Merriam, S.B. (1988). *Case Study Research in Education. A Qualitative Approach*. San Francisco : Jossey-Bass
- Sayer, A. (1984). *Methods in Social Science. A Realist Approach*. London : Kogan Page
- Stake, R.E. (1995). *The Art of Case Study Research*. Thousand Oaks : SAGE
- Sund, R.B. dan L.W. Trowbridge (1973). *Teaching Science by Inquiry in the Secondary Schools*, Ohio : Charles E. Meril Books Inc.